

NO. SOALAN: 518

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI BUKAN JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

DARIPADA : TUAN R. SIVARASA [SUBANG]

RUJUKAN : 7319

SOALAN:

Tuan R. Sivarasa [Subang] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan berapakah bilangan kes keganasan rumah tangga yang dilaporkan ke polis setiap bulan dari 1 Januari 2010 hingga kini mengikut negeri, dan meminta menyatakan bilangan-bilangan suspek, kes (laporan) ditarik balik, kes disiasat penuh, suspek didakwa, kes-kes akhir dengan sabitan dan pecahan hukuman yang dikenakan.

JAWAPAN:

Isu keganasan rumahtangga adalah merupakan isu yang kompleks memandangkan pelbagai sebab yang boleh menjurus kepada berlakunya kejadian tersebut seperti mabuk, masalah kewangan, hubungan cinta, sifat panas baran, tekanan kerja dan sebagainya. Pihak PDRM amat perihatin dan mengambil berat untuk menangani masalah tersebut kerana perlakuan tersebut bukan sahaja boleh mendatangkan kecederaan fizikal tapi juga boleh mendatangkan trauma dan kesan psikologi yang berpanjangan kepada anak-anak yang masih mentah.

Statistik PDRM menunjukkan bahawa sebanyak 3,173 kes keganasan rumah tangga telah dilaporkan pada tahun 2010, pada tahun 2011 telah meningkat kepada 3,277 kes, tahun 2012 angka berkenaan terus meningkat kepada 3,488 kes. Pada tahun 2013 kes telah menunjukkan peningkatan yang ketara kepada 4,123 kes dan pada tahun 2014 (sehingga Julai), jumlah yang telah direkodkan 2,874 kes.

Pecahan mengikut negeri seperti berikut:-

KONTINJEN	2010	2011	2012	2013	2014
PERLIS	47	64	100	91	50
KEDAH	135	173	165	288	263
P/PINANG	282	300	230	240	179
PERAK	345	353	315	344	189
SELANGOR	626	572	436	512	382
K/LUMPUR	123	224	271	243	126
N/SEMBILAN	239	250	352	503	290
MELAKA	64	74	80	95	57
JOHOR	300	256	350	583	302
PAHANG	164	190	208	165	129
TERENGGANU	45	65	138	178	124
KELANTAN	242	229	349	413	361
SABAH	301	280	214	231	191
SARAWAK	260	247	280	237	231
J U M L A H	3173	3277	3488	4123	2874

Statistik jumlah kes yang disiasat dan kes yang ditarik balik bagi tahun 2010 sehingga 2014 (Julai) seperti berikut:-

TAHUN	2010	2011	2012	2013	2014
KES DISIASAT	3173	3277	3488	4123	2874
T/BALIK KES	375	467	61	64	13

Kes rumah tangga akan disiasat di bawah seksyen 326 Kanun Keseksaan dan seksyen 323 Kanun Keseksaan. Pihak PDRM tidak mempunyai maklumat tentang bilangan dan jenis hukuman yang dikenakan kerana ianya merupakan bidang kuasa Mahkamah.

Pihak PDRM akan sentiasa bekerjasama dengan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) serta pertubuhan bukan kerajaan (NGO) untuk memberikan kesedaran kepada mangsa terutamanya wanita tentang hak dan tanggungjawab untuk membuat aduan terhadap sebarang bentuk keganasan yang mereka alami dan hanya mengambil sikap mendiamkan diri atau memendam rasa sahaja.